



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
DISEASE CONTROL DIVISION  
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA  
ARAS 3,4 DAN 6 , BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62590, PUTRAJAYA

Tel : 03-88834527  
Faks : 03-88886270

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 3 (96)  
Tarikh : 30 November 2020

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah  
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Dato' Dr. Chong Chee Kheong  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

  
DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG  
(477)  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan  
(Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

11/2/20

YBhg. Tan Sri,

## KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 47/2020 (15 November hingga 21 November 2020) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menandatangani amanah,

  
**(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)**  
Pengarah Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia





**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 47/2020 dari 15 November hingga 21 November 2020)


Kes Demam Denggi terus menunjukkan tren penurunan sejak awal bulan Julai sehingga kini. Pada Minggu ke-47, jumlah kes sebanyak 894 merupakan antara kes mingguan Demam Denggi terendah dilaporkan sejak tahun 2016. Sebanyak dua (2) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-47. Sehingga kini, kumulatif kes Demam Denggi adalah sebanyak 85,582 kes berbanding 116,942 kes bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu penurunan 26.8% (31,360 kes) manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 137 kematian berbanding 162 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu pengurangan 25 kematian (15.4%) **(Lampiran A & C)**.

Sebanyak 25 lokaliti hotspot pada minggu ke-47 berbanding 18 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Sebanyak 88.0% atau 22 lokaliti hotspot dilaporkan dari Negeri Selangor, diikuti dua (2) lokaliti hotspot (8.0%) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya dan satu (1) lokaliti hotspot di Negeri Sembilan (4.0%). **(Lampiran B & D)**.


Jangkitan Chikungunya melaporkan sebanyak 24 kes pada minggu ke-47 dengan 13 kes dari Negeri Perak, masing-masing tiga (3) kes dari Negeri Johor dan Melaka, masing-masing dua (2) kes dari Negeri Pulau Pinang dan Selangor serta satu (1) kes dari Negeri Kedah. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 2,453 **(Lampiran E)**. Bagi surveilan Zika,

sebanyak 1,767 sampel darah dan 23 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.


Bermula bulan November 2020, negara telah memasuki musim Monson Timur Laut yang menyebabkan kejadian banjir di beberapa kawasan. Oleh itu masyarakat perlu bersiap-siaga dan mengambil langkah pencegahan dan kawalan Denggi semasa banjir dan selepas berakhirnya banjir. Di samping memastikan persekitaran bersih dari tempat pembiakan Aedes, periksa dan pastikan palong air hujan (*rain gutter*) di bumbung rumah juga tidak tersumbat. Bagi penduduk yang berada di Pusat Pemindahan Banjir akibat banjir di rumah kediaman, pastikan langkah pencegahan dilakukan untuk mengelakkan gigitan nyamuk dengan cara memakai pakaian yang menutup anggota tubuh, gunakan repelan serta lakukan semburan aerosol untuk membunuh nyamuk dewasa. Dalam tempoh seminggu selepas banjir surut, lakukan pembersihan persekitaran serta aktiviti cari dan musnah tempat menakung air yang berpotensi menjadi tempat pembiakan Aedes. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
**30 November 2020**




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 46 dan ke- 47 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 47 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-47 tahun 2020

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 47/2020  
(15 November hingga 21 November 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 47/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 47/2019	
		Minggu Epid 47 (15 – 21 November 2020)		Minggu Epid 46 (8 – 14 November 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	80	0	270	0
2	Kedah	2	0	9	0	751	0	1,501	5
3	P. Pinang	15	0	12	0	959	2	3,950	9
4	Perak	17	0	13	0	2,576	3	2,809	4
5	Selangor	407	0	392	0	42,418	36	64,695	52
6	WP KL & Putrajaya	108	0	129	0	10,073	7	14,237	9
7	N. Sembilan	32	0	32	0	2,760	8	2,078	8
8	Melaka	43	0	64	0	2,646	8	1,923	6
9	Johor	152	1	161	1	10,821	41	9,847	26
10	Pahang	53	0	64	0	3,046	8	2,470	8
11	Terengganu	5	0	3	0	379	0	524	3
12	Kelantan	13	1	12	0	3,805	7	5,508	8
13	Sarawak	8	0	7	0	1,452	2	2,262	2
14	Sabah	39	0	38	0	3,810	15	4,832	22
15	WP Labuan	0	0	0	0	6	0	36	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>894</b>	<b>2</b>	<b>936</b>	<b>1</b>	<b>85,582</b>	<b>137</b>	<b>116,942</b>	<b>162</b>

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 47/2020  
(15 November hingga 21 November 2020)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	H/Langat	Jln Impian Makmur Saujana Impian	25	69
2	SELANGOR	H/Langat	Permai Puteri Condo Tmn Dato Ahmad Razali	10	68
3	SELANGOR	H/Langat	Appt Sri Ros Taman Sepakat Indah	9	58
4	WPKL	Titivangsa	Keramat Wangsa (Menara Rajawali, Merak Kayangan, Cenderawasih, Jentayu)	21	58
5	SELANGOR	H/Langat	Seksyen 2 Bandar Rinching	10	56
6	SELANGOR	H/Langat	Jalan Impian Kasih Saujana Impian	16	47
7	WPKL	L/Pantai	Madrasah Miftahul Ulum	56	46
8	SELANGOR	Klang	Flat Balai Polis Pelabuhan Klang	6	45
9	SELANGOR	H/Langat	Taman Maju	5	43
10	SELANGOR	Petaling	Seksyen 1 (Uitm- Kolej Melati )	13	43
11	N SEMBILAN	Seremban	Taman Arowana Indah	10	41
12	SELANGOR	Petaling	E13. Usj 6/5 - Usj 6/7	5	40
13	SELANGOR	Petaling	Usj 6/2 (Indera Subang Condo)	11	38
14	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 2c Apt Medan Cahaya 3 (Blok G , H)	8	37
15	SELANGOR	H/Langat	Appt Sri Raya Taman Sepakat Indah	11	37
16	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Jaya 3	6	36
17	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 3 Palm Spring Kondo 2 (D,E,F)	9	36
18	SELANGOR	Petaling	Tmn Equine (Flat Putra Permai & Rmh Kedai) Blok A (A1-A23)-6 Tkt	8	35
19	SELANGOR	Petaling	E11. Sri Pjs 8 Mentari Court	6	34
20	SELANGOR	Petaling	E15. Bdr Kinrara 2 (Jln 2)	9	33
21	SELANGOR	H/Langat	Jln 4/7 & 4/9 C,D,E,F & H,J,K,M,N,P Sek4 BB Bangi	9	32
22	SELANGOR	Petaling	E13. Usj 3/2	5	32
23	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 9 (Kuarters Ipk Selangor)	8	32
24	SELANGOR	H/Langat	Jln Dayang 2,4,6,8,10,12,14,16,18,20,22&24/8 Bandar Mahkota Cheras	8	31
25	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa Perdana 05	5	31



**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI  
SEHINGGA MINGGU EPID 47/2020 (21 November 2020)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Kedah	Baling Kota Setar Kuala Muda Kubang Pasu Kulim Pendang Sik Yan	5 3 11 3 45 2 2 3	74
2	P. Pinang	Barat Daya Timur Laut Seberang Perai Utara Seberang Perai Tengah Seberang Perai Selatan	230 812 26 47 8	1,123
3	Perak	Batang Padang Hilir Perak Hulu Perak Kampar Kerian Kinta Kuala Kangsar Larut, Matang & Selama Manjung Muallim Perak Tengah	61 1 4 165 1 590 63 113 13 2 2	1,015
4	Selangor	Hulu Langat Klang Gombak Petaling	11 3 1 2	17
5	WPKL & P	Kepong Titiwangsa	3 1	4
6	Johor	Muar Johor Bahru Segamat	21 3 1	25
7	Pahang	Bera Cameron Highland	1 1	2
8	Kelantan	Bachok Kota Bharu Kuala Krai Machang Tanah Merah Tumpat Pasir Mas Pasir Puteh	5 108 3 3 2 30 3 2	156

9	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
10	Perlis	Kangar	1	1
11	Melaka	Melaka Tengah	32	35
		Jasin	2	
		Alor Gajah	1	
<b>JUMLAH</b>			<b>2,453</b>	